



PERKHIDMATAN
PENSIJILAN
PRODUK



BULETIN **FRIM PCS** SIRI 1/2020

JAN-OKT
2020

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Sekapur Sirih, Seulas Pinang	4
Sidang Redaksi	5
Perubahan Carta Organisasi FRIM PCS	6
Sekalung Tahniah	7
Kenali Pekerja Sambilan Harian (PSH)	8
Aktiviti Januari 2020	9
• Mesyuarat Kerjasama FRIM-FITEC	
• Perbincangan Bersama CIDB Malaysia	
• Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 1/2020	
Aktiviti Februari 2020	13
• Pelaksanaan Fit For Use (FFU) dan Ujian <i>In-Situ</i> Mengikut Segmen Produk	
• Pelaksanaan Audit Pemantauan 1 di Syarikat Kabimas Manufacturing Sdn Bhd	
• Pelaksanaan Audit Pemantauan 1 di Syarikat Azas Rekalogam Sdn Bhd	
• Pelaksanaan Audit Penilaian di Syarikat Gayadoor Sdn Bhd	
• Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 2/2020	
• Latihan Speksifikasi, QC Umum (Perubahan) & Faktor Kegagalan Produk Semasa Diuji (Segmen Kayu/Panel)	
Aktiviti Mac 2020	18
• Pelaksanaan Audit Pemantauan 1 di Syarikat Metro Manufacturing Sdn Bhd	
• Perbincangan Bersama Wakil Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM) Berkenaan Permohonan FRIM Sebagai Badan Pensijilan Pintu Rintangan Api	
Aktiviti April 2020	19
• Latihan <i>Digital Marketing</i>	
Aktiviti Mei 2020	20
• Pembentangan Kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) untuk Pensijilan Pintu Rintangan Api	
• Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 3/2020	
Aktiviti Jun 2020	22
• Lawatan Timbalan Menteri Kewangan	
• Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 4/2020	
• Audit Pemantauan di K.U.S Industries Sdn Bhd	
Aktiviti Julai 2020	24
• Audit Pemantauan di K.U.S Industries Sdn Bhd	
• Audit Pemantauan di Malpro Industries Sdn Bhd	
• Lawatan STRIDE Ke FRIM PCS	

• Pelaksanaan Audit Penilaian di Syarikat Thi Hardware Trading Sdn Bhd • Pelaksanaan Audit Pemantauan Di Kilang Meranti Marshal Sdn Bhd • Audit Pemantauan di Kilang KNS Creative Sdn Bhd	30
Aktiviti Ogos 2020	
• Audit Pemantauan di Kilang Talnoor Enterprise • Audit Pemantauan di Kilang B.Tis Manufacturer Sdn Bhd • Audit Pemantauan di Syarikat Timber Dynamic Sdn Bhd • Program Latihan ke atas Pengusaha Perabot • Audit Pemantauan di Kilang Probil Industries Sdn Bhd • Pelaksanaan Audit Penilaian dan Pengutipan Sampel Projek Perintis Skim Pensahihan Bahan Mentah Herba di RAL Plantation Sdn Bhd • Pelaksanaan Audit Dalam ISO/IEC 17065	35
Aktiviti September 2020	
• Mesyuarat Permurnian Dokumen Pekeliling Perbendaharaan 2 Lampiran 2.1 dan <i>Way Forward</i> • Pelaksanaan Audit Penilaian dan Pengutipan Sampel Projek Perintis Skim Pensahihan Bahan Mentah Grassroots Moringa Resources • Audit Penambahan Skop & Pemantauan Syarikat Regal Bonus (M) Sdn Bhd	38
Aktiviti Oktober 2020	
• FRIM PCS Berjaya Melepasi Audit Pensijilan Semula dan Penambahan Skop ISO/IEC 17065	40
Status Semasa Pensijilan Produk FRIM PCS	42
Promosi & Penerbitan FRIM PCS	



Sekapur Sirih Seulas Pinang

PENGARAH URUSAN FRIM PCS

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Illahi, tahun ini FRIM PCS berjaya menerbitkan Buletin FRIM PCS Siri 1/2020 untuk tatapan umum warga FRIM. Tahun 2020 telah memperlihatkan di mana FRIM PCS telah melebarkan skim pensijilan produk yang ditawarkan bukan sahaja tertumpu kepada skim pensijilan perabot. Perkembangan ini sejajar dengan usaha dalam memberi jaminan produk dihasilkan melalui sistem yang berkesan dengan melibatkan ujian, pemantauan kualiti dan kawalan yang berkesan.

Umum mengetahui dunia kini sedang memerangi wabak Covid-19, situasi semasa penularan dalam negara kita masih belum berakhir. Sememangnya penularan wabak ini menjejaskan perancangan aktiviti yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, mari kita jadikan norma baharu dalam memerangi pandemik ini sebagai suatu cabaran dalam mencapai kejayaan. Sokongan semua pihak amat diperlukan dalam sama-sama melandaikan lengkungan jangkitan wabak Covid-19 ini.

Akhir kata, saya mengharapkan kerjasama dan sokongan yang baik daripada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan skim pensijilan yang dilaksanakan oleh FRIM PCS terutamanya daripada warga kerja FRIM PCS, Program Pemerkasaan Pensijilan (MP), para juruaudit, pasukan teknikal, makmal-makmal pengujian, ahli Panel Pensijilan, regulator dan Unit Undang-undang FRIM dapat diteruskan. Semoga usaha yang dilaksanakan ini dapat menaikkan nama FRIM sebagai institusi penyelidikan yang ulung bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat antarabangsa.

Tidak dilupakan, sekalung tahniah kepada sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan buletin ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

“KUALITI MELANGKAUI JANGKAAN”

DR. SHARMIZA ADNAN

SIDANG REDAKSI

Penasihat

: Dr. Sharmiza Adnan

Penulis

: Nor Haliyan Tan Shilan

: Suhana Rafidah Md. Yusof

: Nurfarahin Mohd Sani

: Nurfaizatul Ashikin Mokhtar

: Nur Liyana Izzati Rohaffin

: Nur Elysa Shakira Othman

Susunan & Rekabentuk

: Maizatul Najwa Mahidan

Penyunting

: Nurfarahin Mohd Sani

: Nurfaizatul Ashikin Mokhtar

: Mohd Nazri Ngadinin

PERUBAHAN CARTA ORGANISASI

Carta organisasi FRIM PCS yang terkini



SEKALUNG TAHNIAH

Tahniah diucapkan kepada semua personel yang terlibat dengan FRIM PCS atas Anugerah Kecemerlangan FRIM 2019 yang diterima. Semoga terus memberikan yang terbaik untuk kecemerlangan FRIM PCS.

Pasukan Juruaudit FRIM PCS | Ketua: Dr. Zaihan Jalaludin



**ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG
KUMPULAN**



Dr. Sharmiza Adnan
Pengarah Urusan FRIM PCS



Nor Haliyan Tan Shilan
*Pengurus Pensijilan &
Sistem IT FRIM PCS*



Khairul Masseat
Juruaudit FRIM PCS

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG INDIVIDU

KENALI PEKERJA SAMBILAN HARIAN FRIM PCS

FRIM PCS telah mengambil dua orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi membantu kerja-kerja kemasukan data ke dalam Sistem E-Pensijilan memandangkan pensijilan produk ini telah bermula sejak 2014, maka banyak data yang disimpan di dalam fail yang perlu dimasukkan ke dalam sistem.



Marni Asmida Binti Othman

Panggilan: Marni

Taraf Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian

Pengkhususan: Kewangan

Universiti/Kolej: Universiti Utara Malaysia

Nadia Shareena Binti Abdul Ghani

Panggilan: Nad

Taraf Pendidikan: Diploma

Pengkhususan: Sains

Kesetiausahaan

Universiti/Kolej: Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam



MESYUARAT KERJASAMA FRIM-FITEC

Nor Haliyan TS & Nurfarahin MS

AKTIVITI
JANUARI
2020



7 Januari 2020 - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Furniture Industry Technology Center (FITEC) telah mengadakan perbincangan mengenai kerjasama dalam bidang pengujian, latihan dan rekabentuk perabot serta program-program yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti pasaran perabot bumiputera. Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Dr. Khali Aziz Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM. FITEC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif FITEC; Suhaimi Saad dan pegawai-pegawainya iaitu Kamarudin Kalib, Hamdan Selaman dan Mohd Khairul Ahmad. FRIM diwakili Hashim W. Samsi (Ketua Program Pemerkasaan Pensijilan Produk), Dr Sharmiza Adnan (Pengarah Urusan), Dr Wan Asma Ibrahim (Pengarah Keluaran Hutan), YBhg. Datin Salamah Selamat (Felo), Nor Haliyan Tan Shilan (Pengurus Pensijilan PCS), Suhana Rafidah Md. Yusof (Pengurus Latihan), Muhammad Azidan Zakaria (Ketua Pereka) dan Nurfaizatul Ashikin Mokhtar (Pegawai Operasi).

Foto Ihsan: Yusni Idris

PERBINCANGAN BERSAMA SYARIKAT AZAS REKALOGAM

Nor Haliyan TS



8 Januari 2020 – Syarikat Azas Rekalogam Sdn Bhd telah mengadakan perbincangan dengan FRIM PCS berkenaan program FRIM PCS dalam membantu pengusaha perabot logam. Perbincangan dipengerusikan oleh Datin Salamah Selamat, Felo FRIM PCS. Turut hadir bagi pihak FRIM PCS ialah Dr. Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan, Nor Haliyan Tan Shilan, Pengurus Pensijilan dan Khairul Maseat, Pegawai Penyelidik. Syarikat Azas Rekalogam pula diwakili oleh Abd Zarim @ Abu Zarim Abdullah, Pengarah dan pegawai-pegawainya yang lain.

PERBINCANGAN BERSAMA CIDB MALAYSIA

Nurfarahin MS

20 Januari 2020 – FRIM PCS telah mengadakan perbincangan bersama CIDB Malaysia di Bilik Mesyuarat CREAM, Makmal Kerja Raya Malaysia. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh YBhg Datuk Ir. Elias Ismail, Timbalan Ketua Eksekutif CIDB Malaysia. Hashim W. Samsi selaku ketua delegasi FRIM PCS memaklumkan tujuan utama perbincangan ini diadakan adalah untuk:

- i. Menerangkan program FRIM-MOF berkenaan pensijilan produk perabot bagi perolehan kerajaan.
- ii. Mandat FRIM sebagai regulator kualiti perabot.
- iii. Cadangan untuk mengeluarkan pembekalan perabot (*built-in & loose*) di dalam projek pembangunan



Turut hadir bagi pihak FRIM PCS ialah Datin Salamah Selamat, Felo FRIM PCS, Dr. Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan FRIM PCS, Nor Haliyan Tan Shilan, Pengurus Pensijilan FRIM PCS dan Khairul Maseat, Pegawai Penyelidik. Manakala pihak CIDB turut diwakili oleh Tuan Hj. Razuki Hj. Ibrahim, Pengurus Besar Bahagian Kualiti, Sektor Pembangunan Teknologi, Cik Emasria Ismail, Pengurus, Bhgn. Keselamatan & Alam Sekitar, Encik Ahmad Hazim Abdul Rahim, Manager CREAM, Encik Muhammed Asraff Abdul Rahman, Pegawai Penyelidik, dan Encik Yuzairy Rozaidi, Jurutera.



MESYUARAT PANEL PENSIJILAN SIRI 1/2020

Nur Liyana Izzati R.

21 Januari 2020 - Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 1/2020 telah dilaksanakan di Pejabat FRIM PCS. Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Wan Asma Ibrahim dan panel yang hadir adalah Dr. Suffian Misran dan Dr. Ong Chee Beng. Turut dihadiri oleh Dr. Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan FRIM PCS, Nor Haliyan Tan Shilan, Pengurus Pensijilan, Nur Liyana Izzati Rohaffin dan Nur Elysa Shakira Othman selaku sekretariat. Panel Pensijilan telah meluluskan sijil produk diberikan kepada 21 produk yang telah menutup penemuan audit dan lulus ujian produk yang melibatkan 13 syarikat.

BIL	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT
1.	Kerusi Murid Rendah (BDR1)	Alwy Development Sdn Bhd
2.	Meja Murid Rendah (BDR2)	
3.	Pedestal Mudah Alih (PP3)	DPM Sdn Bhd
4.	Rak Fail Terbuka Serbaguna (PP9)	
5.	Kerusi Serbaguna Tanpa Sandaran Tangan (BD6)	Fair Touch Sdn Bhd
6.	Kerusi Serbaguna Dengan Sandaran Tangan (BG5)	
7.	Kerusi Murid Menengah (BDM3)	Hasro Furniture Gallery Sdn Bhd
8.	Rak Fail Terbuka Serbaguna (PP9)	
9.	Rak Stor Bertutup	Nagasteel Sdn Bhd
10.	Rak Stor Bertutup	Ruffntuff Sdn Bhd
11.	Rak Buku Dua Sisi Dengan Panel Tepi	
12.	Rak Buku Dua Sisi Tanpa Panel Tepi	
13.	Meja Guru Berpedestal (BD5)	Setia Meranti Sdn Bhd
14.	Meja Murid Rendah (BDR2)	Subky Sendirian Bhd
15.	Rak Rendah Terbuka (BG1)	Bizmart Resources Sdn Bhd
16.	Kabinet Rendah Terbuka (BG1)	Raudah Marketing & Supplies Sdn Bhd
17.	Rak Fail Terbuka Serbaguna (PP9)	Rabvolks Sdn Bhd
18.	Rak <i>Pigeon Holes</i> 12s (PP13)	
19.	Rak <i>Pigeon Holes</i> 12s (PP13)	Citarasa Teraju Sdn Bhd
20.	Kerusi Kuliah (SMP00025)	SM Plastik Sdn Bhd
21.	Kerusi Tadika (SMP00025)(S)	

PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN 1 DI FITTERS MARKETING SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

23 Januari 2020 – Fitters Marketing Sdn Bhd merupakan syarikat perintis pertama bagi skim pensijilan pintu rintangan api FRIM PCS. Produk yang disijilkan adalah *Composite fire resistance doorsets (Single leaf)*. Audit Pemantauan 1 ini telah dilaksanakan oleh Dr. Zaihan Jalaludin yang merupakan Ketua Juruaudit bertauliah FRIM PCS. Tiada ketidakpatuhan minor yang ditemui semasa audit ini dilaksanakan dan sijil produk diteruskan.

PELAKSANAAN *FIT FOR USE* (FFU) DAN UJIAN IN-SITU MENGIKUT SEGMENT PRODUK

Suhana Rafidah MY & Nurfaizatul Ashikin M

AKTIVITI
FEBRUARI
2020

19 & 20 Februari 2020 - FRIM PCS telah menganjurkan latihan Pelaksanaan FFU (Tahap 1 & 1.5) dan Ujian In-Situ Mengikut Segmen Produk. Latihan selama dua (2) hari ini telah dihadiri oleh pasukan juruaudit, pasukan teknikal, pembantu teknikal dan personel FRIM PCS. Latihan telah disampaikan oleh Khairul Maseat dan Muhammad Azidan Zakaria.

Objektif untuk program latihan ini diadakan adalah untuk memastikan setiap personel yang terlibat dengan proses pensijilan FRIM PCS didedahkan dengan proses dan kaedah pelaksanaan FFU dan Ujian In Situ yang telah dimuktamadkan oleh Pasukan Teknikal. Selain itu, ianya dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pasukan juruaudit, pembantu teknikal dan personel FRIM PCS terhadap proses FFU mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Pekeliling PK 2 Lampiran 2.1 dan Ujian In Situ menggunakan peralatan sedia ada dan yang telah ditambahbaik.



PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN 1 DI SYARIKAT KABIMAS MANUFACTURING SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.



25 Februari 2020 - FRIM PCS telah mengatur pelaksanaan Audit Pemantauan 1 (SV1) di Kabimas Manufacturing Sdn. Bhd. Adalah menjadi satu keperluan utama audit pemantauan perlu dilaksanakan setiap tahun bagi memantau kualiti pembuatan produk perabot yang berterusan. Audit ini telah dilaksanakan oleh Zairul Amin Rabidin sebagai Ketua Juruaudit dan Muhammad Azidan Zakaria selaku Juruaudit. Muhammad Azidan juga dinilai oleh Khairul Azmi Jabar bagi memastikan kompetensi beliau sebagai juruaudit produk sebelum ditauliahkan oleh Panel Penilai Juruaudit. Produk yang diaudit adalah Gerobok Besi Bertingkat 3-G3 KM, Kabinet 'Pigeon Hole' 15s PG15-KM & Rak Stor Tertutup- RS(CT)-KM.

PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN 1 DI SYARIKAT AZAS REKALOGAM SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.



26 Februari 2020- Audit Pemantauan 1 turut dilaksanakan di Syarikat Azas Rekalogam Sdn Bhd bagi produk Almari (AZ-W), Gerobok Besi Bertingkat 3 (AZ-G1), Katil Besi Satu Tingkat (AZ-SBB) dan Rak *Pigeon Holes* 15 (AZ-P15). Audit dilaksanakan oleh Khairul Maseat selaku Ketua Juruaudit. Manakala Noor Azrieda Abd Rashid dinilai sebagai oleh Dr. Zaihan Jalaludin bagi membolehkan beliau dilantik sebagai juruaudit produk FRIM PCS yang bertauliah.

PELAKSANAAN AUDIT PENILAIAN DI SYARIKAT GAYADOOR SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
FEBRUARI
2020

26 Februari 2020 - GAYADOOR SDN. BHD.- Audit penilaian (Evaluation audit) telah dijalankan ke atas syarikat Gayadoor Sdn Bhd yang telah diketuai oleh Zairul Amin Rabidin sebagai Ketua Juruaudit bagi produk *Single Leaf Composite Doors with EG Steel Door Frame Gayadoor* (GD/MF/ONE/SL-01) dan Shahrudin Hashim selaku Ketua Juruaudit bagi produk *Single Leaf Composite Doors with EG Steel Door Frame* (GD/MF/ONE/SL-02).



MESYUARAT PANEL PENSIJILAN SIRI 2/2020

Nur Liyana Izzati R.

AKTIVITI
FEBRUARI
2020

26 Februari 2020 - Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 2/2020 telah dilaksanakan pada 26 Februari yang lalu. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Dr. Hamdan Husain, Timbalan Panel Pensijilan turut serta ahli panel Dr. Suffian Misran dan Dr. Ong Chee Beng. Turut dihadiri oleh Dr. Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan FRIM PCS.

Panel Pensijilan telah meluluskan permohonan dari syarikat yang telah lulus ujian dan disyorkan untuk pensijilan adalah sebanyak 16 produk melibatkan 12 syarikat.

BIL	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT
1.	<i>Locker 1 door</i> (L1D000)	Axec Services & Trading Sdn Bhd
2.	<i>Full Height Cupboard With Door</i> (FHCD000)	
3.	Rak Fail Terbuka Serbaguna (PP11)	Bizmart Resources Sdn Bhd
4.	Kerusi Jurutrengkas Tanpa Tangan (MBP4B)	B.Tis Manufacturer Sdn Bhd
5.	<i>Medium Back Chair</i> (MBP2)	Firus Sinar Sdn Bhd
6.	Rak Buku Bersisi Dua Dengan Panel Tepi	Nagasteel Equipment Sdn Bhd
7.	Rak Buku Bersisi Dua Tanpa Panel Tepi	
8.	Gerobok Besi Bertingkat 3	
9.	Meja Murid Menengah (BDM4)	One Tech Sdn Bhd
10.	Kabinet Rendah Bercermin – BG2	Purnama Bersatu Sdn Bhd
11.	Kabinet Rendah Bercermin – BG2	Raudah Marketing Sdn Bhd
12.	Kerusi Pelawat Tanpa Tangan (MBP8B)	Sm Industries Sdn Bhd
13.	Meja Murid Berlaci (MMB)	Pointray (Malaysia) Sdn Bhd
14.	Katil Besi 2 Tingkat	
15.	Meja Murid Menengah (BDM4)	Impressive Transform Sdn Bhd
16.	Katil Besi 2 Tingkat	Malpro Industries Sdn Bhd

LATIHAN SPESIFIKASI, QC UMUM (PERUBAHAN) & FAKTOR KEGAGALAN PRODUK SEMASA DIUJI (SEGMENT KAYU/PANEL)

AKTIVITI
FEBRUARI
2020

Suhana Rafidah MY & Nurfaizatul Ashikin M

27 Februari 2020 - Latihan Spesifikasi, QC Umum (Perubahan) Terkini dan Faktor Kegagalan Produk Semasa Ujian (Segment Kayu & Panel) telah dilaksanakan oleh FRIM PCS. Latihan ini merupakan kesinambungan daripada latihan yang telah diadakan tahun lalu bagi segment perabot logam dan fabrik.

Latihan ini telah dihadiri oleh Pengarah Urusan FRIM PCS, Pasukan Juruaudit, Teknikal, Pembantu Teknikal, Personel FRIM PCS dan 21 wakil syarikat pengusaha perabot. Terdapat empat (4) objektif yang hendak dicapai melalui latihan ini iaitu;

1

Meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pihak pengusaha perabot, pasukan juruaudit, pasukan teknikal, pembantu teknikal dan personel FRIM PCS terhadap spesifikasi produk bagi segment kayu & panel serta faktor-faktor yang menyebabkan produk gagal semasa diuji;

2

Memastikan produk yang dihasilkan syarikat memenuhi keperluan dan piawaian yang ditetapkan oleh standard yang digunapakai (bagi setiap produk tersebut);

3

Mengurangkan jumlah atau bilangan produk gagal diuji oleh makmal ujian yang terlibat; dan

4

Memastikan langkah pencegahan diambil oleh syarikat bagi meningkatkan kualiti produk perabot yang dihasilkan justeru mempercepatkan proses pensijilan yang dimohon.

Latihan telah disampaikan oleh Encik Khairul Masseat (Program Pemerkasaan Pensijilan Produk) dan Cik Siti Zaliha Ali (Makmal Pengujian Perabot).



PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN 1 DI SYARIKAT METRO MANUFACTURING SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

**AKTIVITI
MAC
2020**



3 Mac 2020 - Seperti mana keperluan yang telah ditetapkan di dalam posedur Skim Pensijilan Produk FRIM PCS, pemantauan audit perlu dilaksanakan bagi memastikan kepatuhan kepada standard dan kawalan kualiti dipatuhi. Audit Pemantauan 1 untuk Syarikat Metro Manufacturing Sdn Bhd telah dilaksanakan oleh Khairul Azmi Jabar selaku Ketua Juruaudit. Muhammad Ikhwan Mohd Nor juga turut dinilai kompetensinya oleh Puad Elham semasa audit pemantauan ini. Produk yang diaudit adalah Kerusi Bankuet Aluminium (MBP 6A), Kerusi Bankuet Besi (MBP 6B) dan Kerusi Pegawai Tinggi (MBP1).



PERBINCANGAN BERSAMA WAKIL JABATAN BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) BERKENAAN PERMOHONAN FRIM SEBAGAI BADAN PENSIJILAN PINTU RINTANGAN API

Nor Haliyan TS.

12 Mac 2020 - Bagi menunjukkan kesungguhan FRIM PCS untuk menjadi Badan Pensijilan Produk Pintu Rintangan Api, Khairul Azmi Jabar, Ketua Makmal Pengujian Rintangan Api dan Nor Haliyan Tan Shilan, Pengurus Pensijilan FRIM PCS telah mengadakan perbincangan dengan Tuan Andy Anak Alie, Penguasa Kanan Bomba II di Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK) di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Sesi perbincangan berjalan lancar dan mendapat nasihat berkenaan perkara yang perlu dipatuhi dalam menjalankan pengujian dan pensijilan pintu rintangan api. FRIM PCS perlu menambahbaik prosedur dan Skim Pintu Rintangan Api yang diwujudkan.

LATIHAN DIGITAL MARKETING

Suhana Rafidah MY & Nurfaizatul Ashikin M

AKTIVITI
APRIL
2020

28 April 2020 - Latihan selama lapan (8) jam ini telah dilaksanakan dengan kerjasama FRIM dan MDEC menggunakan aplikasi Zoom memandangkan ia diadakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda negara.

Latihan dilaksanakan selama lapan (8) jam bermula pada 9.00 pagi – 5.00 petang. Sijil penyertaan juga disediakan kepada peserta yang berjaya mengikuti latihan dan ia boleh dimuat turun daripada *website Go-Ecommerce* MDEC yang mana semua peserta telah didaftarkan oleh penganjur ke *website* ini berdasarkan kepada info personel yang telah diberikan peserta semasa pendaftaran latihan.

Kaedah latihan telah dibuat secara maya di mana setiap peserta perlu mengikut setiap langkah dan panduan yang diberikan jurulatih di peranti masing-masing sama ada *laptop, tablet* atau telefon bimbit.

Merujuk kepada maklumat diberikan jurulatih, beberapa peserta yang memenuhi syarat boleh mengikuti latihan seterusnya yang mana akan dimaklumkan kemudian.

Di akhir program, peserta dijangka dapat:

1

Mengetahui perkara asas bagaimana membuat pemasaran produk secara *on-line*.

2

Mengetahui strategi dan bagaimana untuk menjadikan produk yang dijual adalah USP (*Unique Selling Position* atau *Unit Proposition*)

3

Mengetahui penggunaan dan kelebihan media sosial seperti *Facebook, Instagram* dan *Twitter* dalam memperluas pasaran produk (namun khusus bagi latihan ini, ia difokuskan kepada penggunaan laman *Facebook*)

4

Memastikan peserta dapat mewujudkan *business page* di dalam *Facebook* masing-masing dan menggunakan setiap fungsi yang ada di laman tersebut.

PEMBENTANGAN KEPADA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT (JBPM) UNTUK PENSIJILAN PINTU RINTANGAN API

Nor Haliyan TS.



5 Mei 2020 – Pasukan FRIM PCS telah dijemput untuk memberikan pembentangan kepada Jawatankuasa Khas Pengiktirafan Makmal Ujian Kebakaran dan Badan Pensijilan Jabatan Bomba dan Penyelamat Bil. 1/2020 telah dilaksanakan pada 5 Mei 2020. Tujuan pembentangan ini adalah bagi menilai status dan kesediaan makmal ujian serta kemampuan FRIM untuk menjadi Badan Pensijilan Produk pintu rintangan api. Ianya merupakan satu keperluan yang ditetapkan oleh jawatankuasa sebelum keputusan boleh dibuat bagi

mengiktiraf FRIM sebagai Badan Pensijilan Pintu Rintangan Api oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dr. Zaihan Jalaludin selaku Ketua Pasukan Juruaudit FRIM PCS telah melaksanakan pembentangan.

Panel Jawatankuasa telah dipengerusikan oleh YS Dato' Yusof bin Sidek (Pengarah PUSPEK), Tuan Jasni bin Ali (Penguasa Kanan Bomba II), Tuan Andy Anak (Penguasa Kanan Bomba II), Pegawai-Pegawai Bomba, Wakil JKR, Wakil CIDB dan Wakil DOSH. Delegasi FRIM turut disertai oleh Encik Hashim W. Samsi (Ketua Program Pemerkasaan Pensijilan Produk), Encik Khairul Azmi Jabar (Ketua Makmal Perlindungan Api) dan Puan Nor Haliyan Tan Shilan (Pengurus Pensijilan FRIM PCS).



MESYUARAT PANEL PENSIJILAN SIRI 3/2020

Nur Liyana Izzati R.

AKTIVITI
MEI
2020

21 Mei 2020 - Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 3/2020 telah dilaksanakan pada 21 Mei yang lalu. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dr. Hamdan Husain, Timbalan Panel Pensijilan dan turut disertai oleh ahli panel iaitu Dr. Suffian Misran dan Dr. Mohd Khairun Anwar Uyup.

Panel Pensijilan telah meluluskan sijil produk dari syarikat yang telah lulus ujian dan menutup ketipatuhan penemuan audit. Berikut merupakan senari 13 sijil produk yang diluluskan melibatkan 9 syarikat.

BIL	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT
1.	<i>Low Back Chair</i> (MBP3)	Firus Sinar Sdn Bhd
2.	Katil Besi 1 Tingkat	Pointray (Malaysia) Sdn Bhd
3.	Rak Fail (BG6)	Raudah Marketing Sdn Bhd
4.	Rak Stor Terbuka	Redah Jaya Sdn Bhd
5.	Loker Berpintu 1	
6.	<i>Pigeon Holes</i> 15	
7.	<i>Pigeon Holes</i> 18	
8.	Gerobok Besi Bertingkat 3	Ruffntuff Sdn Bhd
9.	Loker Berpintu 2	
10.	Kerusi Jurutrengkas Bertangan (MBP4a)	SM Industries Sdn Bhd
11.	Kabinet Rendah Berpintu (BG3)	Camar Kreatif Sdn Bhd
12.	Bangku Kantin (PK2)	Juszzunn Empire Sdn Bhd
13.	Kabinet Tepi Pintu Bergelangsar (PP2)	Rabvolks Homes Sdn Bhd

LAWATAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

Suhana Rafidah MY

**AKTIVITI
JUN
2020**



26 Jun 2020- FRIM PCS telah menerima lawatan daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang diketuai YB Mohd Shahrar Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II. Mohd Shahrar yang diiringi YBhg Dato' Mohd Zafir Ibrahim, Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan (Sektor Kontrak); Hariz Zakwan, Pegawai Tugas-Tugas Khas dan Puan Noraziah Abdul Halim, Penolong Setiausaha Perolehan Kerajaan, disambut oleh Dr Khali Aziz Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) serta beberapa pegawai FRIM yang lain.

Lawatan ini bertujuan membincangkan beberapa isu berkaitan industri perabot bumiputera serta mendapat pengesahan maklumat berkaitan program pensijilan perabot yang dilaksanakan oleh FRIM. Hashim W. Samsi, Ketua Program Pemerkasaan Pensijilan FRIM memberi taklimat tentang program pensijilan perabot FRIM.

Turut hadir, Dr Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan Perkhidmatan Pensijilan Produk (FRIM PCS); Khairul Maseat, Pegawai Penyelidik; Suhana Rafidah Md Yusof, Pengurus Operasi dan Latihan FRIM PCS; Siti Zaliha Ali, Ketua Makmal Ujian Perabot dan Maria Arlene Jackan, Pegawai Perhubungan Awam FRIM.

Mohd Shahrar mengucapkan terima kasih kepada FRIM atas taklimat dan penerangan yang diberi. Menurut beliau: "Program Pemerkasaan Industri Perabot Malaysia perlu menjadi salah satu agenda penting agar Perabot Bumiputera Malaysia dapat bersaing di dalam pasaran global."

Foto Ihsan: Yusni Idris

MESYUARAT PANEL PENSIJILAN SIRI 4/2020

Nur Liyana Izzati R.

AKTIVITI
JUN
2020

30 Jun 2020 - Mesyuarat Panel Pensijilan Siri 4/2020 telah dilaksanakan pada 30 Jun yang lalu. Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Hamdan Husain, Timbalan Panel Pensijilan turut serta ahli panel Dr. Suffian Misran dan Dr. Ong Chee Beng. Panel Pensijilan telah meluluskan pengeluaran sijil produk dari syarikat yang telah lulus ujian dan menutup penemuan audit bagi 19 produk melibatkan 14 syarikat.



BIL	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT
1.	<i>Two Compartment Locker</i> (FE-TCL)	Felab Engineering Sdn Bhd
2.	<i>Single Compartment Locker</i> (FE-SCL)	
3.	Meeting Table (BPNP MT3)	BPNP Konsortium Sdn. Bhd.
4.	Kerusi Pegawai (Fabrik) <i>Medium back</i> (MBP2)	Fair Touch Sdn Bhd
5.	Kerusi Murid Rendah (BDR1)	One Tech Sdn Bhd
6.	Kerusi Murid Menengah (BDM3)	
7.	Kerusi Murid Rendah (BDR1)	Mabita Sdn. Bhd.
8.	Kerusi Bankuet Besi (MBP6B)	Bizmart Resources Sdn. Bhd.
9.	Meja Murid Menengah (BDM4)	Pointray (M) Sdn Bhd
10.	Kerusi Murid Rendah (BDR1)	Impressive Transform Sdn Bhd
11.	Kerusi Murid Menengah (BDM3)	
12.	Meja Murid Menengah (BDM4)	Hasro Furniture Gallery Sdn Bhd
13.	Rak Rendah Terbuka - BG1	
14.	<i>C-Frame Structure</i>	Kumpulan Novalab (M) Sdn Bhd
15.	Kerusi Murid Rendah (BDR1)	Tuju Perkasa Sdn Bhd
16.	Kerusi Murid Menengah (BDM3)	
17.	Meja Kerani (PP4)	Regal Bonus (M) Sdn. Bhd.
18.	Meja Guru Karel Berpedestal (BG4)	MS Zabki Sdn Bhd
19.	Tetingkat Majalah (PSP3)	Rabvolks Homes Sdn. Bhd.

AUDIT PEMANTAUAN DI K.U.S INDUSTRIES SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
JULAI
2020



7 Julai 2020 – Audit Pemantauan 1 telah dilaksanakan di kilang K.U.S Industries Sdn Bhd ke atas lapan (8) produk logam yang telah disijilkan oleh FRIM PCS. Produk tersebut ialah *Library Double C/W Side Panel* (KUS 023), *Rack Store Open* (RSD), *Rak Pigeon Holes 15s*, *Gerobok Besi Bertingkat 3* (KUS 016), *Gerobok Besi Keselamatan* (KUS 016K), *Cabinet File 4 Bays*, *Pigeon Hole Cabinet 18* dan *Rak Stor Tertutup*. Audit telah dilaksanakan oleh Dr. Zaihan Jalaludin selaku Ketua Juruaudit dan dibantu oleh Fakhrul Islam yang turut dinilai oleh Puad Elham untuk pelantikan sebagai juruaudit bertaualiah.



AUDIT PEMANTAUAN DI MALPRO INDUSTRIES SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

**AKTIVITI
JULAI
2020**

14 Julai 2020 – Audit Pemantauan 1 telah dilaksanakan di kilang Malpro Industries Sdn Bhd ke atas tujuh (7) produk yang telah disijilkan oleh FRIM PCS. Produk tersebut ialah Kerusi Bankuet Besi (MBP 6B), *Single Bed New Design*, *Single Bed Existing Design*, Kerusi Jurulukis (MBP7), Kerusi Jurutrengras Tanpa Tangan (MBP 4B), Kerusi Berangkai 3 dan Kerusi Bankuet Aluminium (MBP6A). Audit telah dilaksanakan oleh Khairul Maseat selaku Ketua Juruaudit dan dibantu oleh Ahmad Salihin Sulaiman yang turut dinilai oleh Puad Elham untuk pelantikan sebagai juruaudit bertauliah.



LAWATAN STRIDE KE FRIM PCS

Nor Haliyan TS & Nurfarahin MS

AKTIVITI
JULAI
2020



15 Julai 2020 - FRIM PCS telah menerima lawatan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) pada 15 Julai lalu untuk berkongsi pengalaman Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS) sebagai Badan Pensijilan Produk. STRIDE juga berhasrat untuk menjadi Badan Pensijilan Produk bagi produk pertahanan negara dan memilih FRIM PCS sebagai badan pensijilan pertama untuk dilawati. Delegasi STRIDE diketuai Dr Mahdi Che Isa, Pengarah Bahagian Teknologi Maritim. Hashim W. Samsi, Ketua Program Pemerkasaan Pensijilan Produk memberi taklimat berkenaan kronologi penubuhan FRIM PCS dan perkara yang perlu dititikberatkan sebagai badan pensijilan.

Turut hadir Dr. Sharmiza binti Adnan, Pengarah Urusan FRIM PCS, Nor Haliyan binti Tan Shilan Pengurus Pensijilan & Sistem IT, Suhana Rafidah binti Md. Yusof, Pengurus Operasi & Latihan, Nurfarahin binti Mohd Sani, Khairul bin Masseat (Pegawai Penyelidik) dan pegawai STRIDE yang lain.

PELAKSANAAN AUDIT PENILAIAN DI SYARIKAT THI HARDWARE TRADING SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
JULAI
2020

21 Julai 2020 - Audit penilaian (Evaluation audit) telah dijalankan ke atas syarikat THI Hardware Trading Sdn Bhd yang telah diketuai oleh Dr. Zaihan Jalaludin sebagai Ketua Juruaudit bagi produk *Composite Doors With E.G Steel Door Frame* (TDR/MF/ONE/DL-01) dan Shaharuddin Hashim sebagai Ketua Juruaudit bagi produk *Single Leaf Composite Doors With E.G Steel Door Frame* (TDR/MF/ONE/SL-01).



PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN DI KILANG MERANTI MARSHAL SDN BHD

AKTIVITI
JULAI
2020

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

23 Julai 2020 – Khairul Azmi Jabar selaku Ketua Juruaudit dan Nor Haliyan sebagai juruaudit telah melaksanakan audit pemantauan di kilang Meranti Marshal di Banting Selangor. Audit melibatkan 10 produk perabot panel dan besi yang telah disijilkan oleh FRIM PCS iaitu Rak Fail Terbuka Serbaguna (PP9), Kabinet Fail Bergerak 4 Bays, Rak Buku Bersisi 2 Tanpa Panel Tepi, Rak Stor Terbuka, Rak Stor Tertutup, Rak *Heavy Duty*, Kabinet Rendah Berpintu (BG3), Loker Berpintu 1, Gerobok Besi Bertingkat 3 dan Loker Berpintu 1.



AUDIT PEMANTAUAN DI KILANG KNS CREATIVE SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

29 Julai 2020 – Produk syarikat KNS Creative Sdn Bhd yang telah memperolehi sijil FRIM PCS adalah Kabinet Dapur, *Wardrobe (Swing Door)* dan *File Cabinet*. Memandangkan sijil produk telah diperolehi pada Julai 2019 maka audit pemantauan perlu dilaksanakan bagi memastikan syarikat masih lagi mengekalkan kualiti produk seperti yang telah disijilkan. Khairul Masseat dan Yanti Abd Kadir telah dilantik sebagai juruaudit yang melaksanakan audit di kilang yang terletak di Bangi ini.



LAWATAN KE ROYALE CHESTERFIELD

Nurfarahin MS.

**AKTIVITI
JULAI
2020**

Pada 30 Julai 2020, Pegawai Pemasaran, Nurfarahin Mohd Sani bersama-sama Encik Khairul Maseat dan Puan Yanti Abdul Kadir telah mengadakan satu sesi lawatan ke Royal Chesterfield, sebuah syarikat di Shah Alam. Royale Chesterfield adalah nama penjenamaan berdaftar yang dimiliki sepenuhnya oleh Teras Satuniaga Holdings Sdn Bhd. Lawatan diadakan bagi tujuan menjalankan kaji selidik syarikat bumiputera dan juga bagi menawarkan perkhidmatan pensijilan produk kepada syarikat.

Perniagaan utama syarikat tersebut adalah pembuatan, reka bentuk, penyesuaian, borong dan runcit kulit dan kain buatan tangan berkualiti tinggi yang berumbai atau dikenali sebagai sofa reka bentuk Chesterfield, kerusi sayap, perabot kepala katil dan bilik tidur, Ottoman, kerusi makan dan perabot khusus.



AUDIT PEMANTAUAN DI KILANG TALNOOR ENTERPRISE

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
OGOS
2020

6 Ogos 2020 – Shaharudin Hashim dan Yanti Abd Kadir telah melaksanakan audit pemantauan di kilang Talnoor Enterprise Sdn Bhd. Produk yang terlibat dalam auditan ini merupakan Almari, Pedestal dan Sliding Cabinet. Pelaksanaan audit pemantauan melibatkan pemeriksaan ke atas kawalan kualiti dalaman yang dilaksanakan oleh syarikat dan juga pemeriksaan ke atas penggunaan sijil dan logo pensijilan FRIM PCS. Syarikat juga perlu melaporkan pengeluaran produk yang telah disijilkan dan juruaudit membuat verifikasi kualiti ke atas produk yang dihasilkan. Juruaudit dari Jabatan Standard Malaysia, Ir. Boey Her Meng juga telah melaksanakan *witnessing audit* ke atas pasukan juruaudit FRIM PCS ini.



AUDIT PEMANTAUAN DI KILANG B.TIS MANUFACTURER SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
OGOS
2020

13 Ogos 2020 – Syarikat B.Tis Manufacturer Sdn Bhd merupakan syarikat pembuat perabot plastik yang mempunyai kelengkapan mesin dan *mould* yang mencukupi. Syarikat juga merupakan pembuat perabot fabrik yang dibekalkan kepada kerajaan. Audit pemantauan yang dilaksanakan melibatkan 12 produk Kerusi Tabika/Rendah (BTS TBK 1), Kerusi Pelajar Model 2, Kerusi Plastik Tanpa Tangan, Kerusi Bankuet Besi (MBP6B), Kerusi Kuliah (MBP5), Kerusi Kuliah (BTS-CH-3003T), Kerusi Berangkai 4 (BTS-CH-3000-4), Kerusi Pelawat Bertangan (MBP8A), Meja Pelajar Berlaci (Model 1 [MCR3]), Meja Pelajar Tanpa Laci (MCR 4), Kerusi Berangkai 4 (MBP 9B) dan Kerusi Jurutrengkas Tanpa Tangan (MBP4B). Audit telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Khairul Azmi Jabar selaku ketua juruaudit dan dibantu oleh Nor Haliyan Tan Shilan selaku juruaudit.



AUDIT PEMANTAUAN DI SYARIKAT TIMBER DYNAMIC SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.



18 Ogos 2020 – Audit pemantauan telah dilaksanakan oleh Khairul Azmi Jabar dan Muhammad Azidan Zakaria di Syarikat Timber Dynamics Corporation Sdn. Bhd. yang terletak di Rawang, Selangor. Syarikat merupakan pembuat produk panel yang membekalkan perabot panel ke sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan. Produk yang diaudit adalah *Side Pedestal* yang telah disijilkan pada April 2019.



PROGRAM LATIHAN KE ATAS PENGUSAHA PERABOT

Suhana Rafidah MY & Nurfaizatul Ashikin M

AKTIVITI
OGOS
2020



17-19 Ogos 2020 – Latihan kerjasama FRIM & FITEC bertajuk “Interprestasi Lukisan Rekabentuk Berkomputer” di bawah Modul Penyelia & Operator telah berjaya dilaksana selama tiga (3) hari bertempat di Bangunan FITEC, Gombak. Latihan ini merupakan kesinambungan program latihan kerjasama pihak FRIM & FITEC ke atas pengusaha perabot yang telah mula dilaksana pada tahun 2019 tetapi pada masa tersebut dikhususkan kepada Modul Eksekutif sahaja. Untuk tahun 2020, sebanyak tujuh (7) latihan di bawah Modul Operator Dan Penyelia telah dirancang. Namun, disebabkan oleh ketidaktentuan situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara tahun ini, ia turut memberi kesan ke atas perancangan program latihan yang perlu diadakan secara bersemuka dan *hands-on*.

Latihan “Interprestasi Lukisan Rekabentuk Berkomputer” ini telah dihadiri oleh 10 orang peserta terdiri daripada wakil syarikat perabot Bumiputera serta FRIM. Latihan secara *hands-on* ini telah dikendalikan oleh tenaga pengajar FITEC dan peserta yang hadir perlu mempunyai asas dalam penggunaan perisian *SketchUp* atau *Autocad*. Hasil tugas dalam program latihan ini akan digunakan untuk latihan kedua iaitu “Perabot Bina Dalam – Bilik Tidur” yang akan diadakan kelak. Semua peserta telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang latihan ini berjalan dan diharap pengetahuan ini memberi manfaat ke atas pengurusan perniagaan syarikat.

PELAKSANAAN AUDIT PENILAIAN DAN PENGUTIPAN SAMPEL PROJEK PERINTIS SKIM PENSAHIHAN BAHAN MENTAH HERBA DI RAL PLANTATION SDN BHD

AKTIVITI
OGOS
2020

Nor Haliyan TS.

26 Ogos 2020 – 25 Ogos 2020 – FRIM PCS dengan kerjasama Pasukan Herba Express telah melaksanakan audit penilaian dan pengutipan sampel di RAL Plantation Sdn Bhd yang terletak di Kuala Kangsar Perak. Pengurus Pensijilan, Nor Haliyan Tan Shilan telah mewakili FRIM PCS bagi melihat sendiri proses pengutipan sampel yang dilaksanakan. Produk herba yang ditanam oleh pengusaha adalah karas. Terdapat lebih kurang lima spesis karas yang ditanam di ladang tersebut. Tujuan pensijilan pensahihan bahan mentah herba ini adalah bagi memastikan bahan mentah herba dan spesis yang ditanam adalah sah sebagaimana yang dinyatakan oleh penanam tersebut. Sampel yang dikutip dibawa ke FRIM dan diuji oleh makmal di Bahagian Hasil Semulajadi bagi menentukan kesahihan bahan tanaman tersebut. FRIM PCS akan mengeluarkan sijil setelah laporan audit lengkap dan laporan ujian pensahihan diterima. Skim ini berupa skim baharu yang dapat membantu meningkatkan kepercayaan pengusaha industri herba terhadap bahan mentah yang dibeli daripada penanam yang telah disijilkan. Semoga usaha yang dijalankan dapat meningkatkan lagi kualiti industri herba negara.



AUDIT PEMANTAUAN DI KILANG PROBIL INDUSTRIES SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

**AKTIVITI
OGOS
2020**

26 Ogos 2020 – Audit Pemantauan di Syarikat Profil Industries Sdn Bhd telah dilaksanakan oleh Khairul Maseat dan Muhammad Ikhwan Mohd Nor. Audit yang melibatkan produk Kabinet Rendah Terbuka, Kabinet Serbaguna Berpintu 4S dan Meja Kerani. Pengauditan dilaksanakan dengan lancar dan mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak syarikat.



PELAKSANAAN AUDIT DALAM ISO/IEC 17065

Nor Haliyan TS.

27-28 Ogos 2020 – Bagi memastikan kepatuhan FRIM PCS kepada keperluan yang telah ditetapkan oleh ISO/IEC 17065 dan keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia, penilaian audit dalam ISO/IEC 17065 telah dilaksanakan oleh juruaudit dalam FRIM. Audit dalam ini perlu dilaksanakan setahun sekali sebelum penilaian oleh juruaudit luar dari Jabatan Standard Malaysia dilaksanakan. Noor Rasyila Mohd Noor dari Bahagian Hasil Semulajadi dan Dr. Lee Chai Ting dari Bahagian Bioteknologi Hutan telah sudi memikul tanggungjawab untuk melaksanakan audit ini. Sebanyak enam (6) pemerhatian telah diberikan untuk penambahbaikan FRIM PCS sebagai Badan Pensijilan Produk FRIM.



MESYUARAT PERMURNIAN DOKUMEN PEKELILING PERBENDAHARAAN 2 LAMPIRAN 2.1 DAN WAY FORWARD

Suhana Rafidah MY

AKTIVITI
SEPTEMBER
2020



8-9 Sept 2020 – Seramai empat (4) orang wakil FRIM PCS yang terdiri daripada Pengarah Urusan, Dr Sharmiza Adnan, Pengurus Pensijilan & Sistem, Nor Haliyan Tan Shilan, Pengurus Latihan & Operasi, Suhana Rafidah Md Yusof serta timbalan Nurfaizatul Ashikin Mokhtar telah menghadiri program Mesyuarat Permurnian Dokumen Pekeliling Perbendaharaan 2 Lampiran 2.1, *Way Forward* dan Mesyuarat FRIM & MOF yang diadakan di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

Program ini dianjurkan oleh Perkhidmatan Pensijilan Produk (FRIM PCS) dan Program Pemerkasaan Pensijilan, Bahagian Keluaran Hutan bagi tujuan mencapai persetujuan bersama di antara ahli mesyuarat yang hadir iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam memperkasakan pemantauan kualiti serta pasaran perabot di kalangan pengusaha perabot. Perbincangan berkaitan pemurnian dokumen kriteria pembuat perabot, isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan serta *Way Forward* bagi pemantauan perolehan perabot kerajaan merupakan intipati utama dalam program yang dilaksanakan ini. Program telah dihadiri oleh seramai 23 orang keseluruhannya terdiri daripada wakil FRIM dan pihak MOF. Di penghujung program, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana FRIM-MOF juga telah diadakan bagi Siri 1 Tahun 2020.



PELAKSANAAN AUDIT PENILAIAN DAN PENGUTIPAN SAMPEL PROJEK PERINTIS SKIM PENSAHIHAN BAHAN MENTAH GRASSROOTS MORINGA RESOURCES

Nor Haliyan TS.

**AKTIVITI
SEPTEMBER
2020**

22 Sept 2020 – FRIM PCS dengan kerjasama Pasukan Herba Express telah melaksanakan audit penilaian dan pengutipan sampel di Grassroots Moringa Resources yang terletak di Batang Berjuntai, Selangor. Produk herba yang ditanam oleh pengusaha adalah Moringa atau lebih dikenali sebagai Merunggai. Nor Haliyan Tan Shilan dan Suhana Rafidah Md Yusof telah turut serta bagi membantu pasukan Herba Express melaksanakan pengutipan sampel di lapangan dan mendapatkan maklumat bagi tujuan pengauditan. Proses penyediaan sampel ini adalah agak rumit kerana perlu mengasingkan daun-daun moringa yang terlalu kecil dari rantingnya dan mengambil masa yang amat lama. Ini merupakan pengalaman baharu bagi pasukan FRIM PCS yang selama ini hanya terlibat dengan pengauditan di kilang perabot. Pihak penanam telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh kerja-kerja dijalankan.



AUDIT PENAMBAHAN SKOP & PEMANTAUAN SYARIKAT REGAL BONUS (M) SDN BHD

Nur Elysa Shakira O & Nor Haliyan TS.

AKTIVITI
SEPTEMBER
2020

28-29 Sept 2020 – Syarikat Regal Bonus (M) Sdn Bhd telah selesai menjalani audit penambahan skop pada 28 September 2020 bagi produk baharu yang hendak disijilkan iaitu Meja Kantin (PK1), Bangku Kantin (PK2), Kerusi Serbaguna Tanpa Sandaran Tangan (BD6), Kerusi Serbaguna Dengan Sandaran Tangan (BG5), Bangku Makmal 500mm (KSM 3), Bangku Makmal 600mm (KSM 2), Bangku Makmal 700mm (KSM 4), Meja Kerja (KSM 1) dan *Fixed Student Bench* (SB4). Manakala audit pemantauan telah dilaksanakan ke atas produk Meja Guru Berpedestal (BD5), Rak *Pigeon Hole* 12s (PP13) dan Meja Kerani (PP4) pada 29 September 2020. Audit telah disempurnakan oleh Khairul Maseat selaku Ketua Juruaudit dan dibantu oleh Ahmad Salihin Sulaiman sebagai juruaudit.



FRIM PCS BERJAYA MELEPASI AUDIT PENSIJILAN SEMULA DAN PENAMBAHAN SKOP ISO/IEC 17065

AKTIVITI
OKTOBER
2020

Nor Haliyan TS.

7-8 Oktober 2020 – Tahun ini merupakan tahun keenam FRIM diakreditasi sebagai Badan Pensijilan Produk kelapan oleh Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia). Mengikut pekeliling Standards Malaysia yang terdahulu audit pensijilan semula perlu dilaksanakan setiap tiga (3) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan. Jadi ini merupakan tahun akhir FRIM perlu melaksanakan audit pensijilan semula setiap tiga (3) tahun kerana selepas ini pensijilan semula akan dilaksanakan setiap 5 tahun. Terdapat enam (6) skop dalam pensijilan produk perabot ini iaitu BS EN 1729-2:2012+A1:2015 (*Furniture- Chairs and tables for educational institutions*), BS EN 15372:2016 (*Furniture- Strength, durability and safety – Requirements for non-domestic tables*), BS EN 16121:2013 (*Non-domestic storage furniture- Requirements for safety, strength, durability and stability*), BS EN 527-2:2016 (*Office furniture – Work tables and desks – Part 2: Mechanical safety requirements*) dan BS EN 16139:2013 (*Furniture – Strength, durability & safety – Requirements for non-domestic seating*) dengan NACE Code 31.01 dan 31.09. Untuk pertambahan skop pada sesi audit kali ini melibatkan BS EN 14749:2016 (*Furniture- Domestic and kitchen storage units and kitchen worktops – Safety requirements and test methods*) dengan NACE Code 31.02. Ir. Boey Her Meng dan Dr. Yap Son Keong dari Standards Malaysia telah melaksanakan audit pada kali dan telah mengesyorkan pensijilan semula dan pertambahan skop untuk FRIM tertakluk kepada penutupan semua penemuan yang telah dibangkitkan.



PROGRAM KONSULTANSI PEMEGANG TARUH DAN KESEDARAN MENGENAI SPESIFIKASI KERTAS FOTOKOPI BAGI PASARAN MALAYSIA

Nurfarahin MS.

**AKTIVITI
OKTOBER
2020**


19 Oktober 2020 – Satu program konsultansi telah diadakan dengan kerjasama Perkhidmatan Pensijilan FRIM PCS dan Makmal Pulpa dan Kertas bertajuk "Program Konsultansi Pemegang Taruh Dan Kesedaran Mengenai Spesifikasi Kertas Fotokopi Bagi Pasaran Malaysia" telah berjaya dilaksana selama sehari yang telah dijalankan sepenuhnya secara online melalui aplikasi Zoom. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan keperluan dan spesifikasi bagi produk kertas fotokopi MS 1288: 2012 untuk pasaran Malaysia. Program ini juga akan memberi maklumat mengenai perkhidmatan dalam bidang Pulpa dan Kertas yang ditawarkan oleh FRIM. Satu sesi dialog turut diadakan bersama para peserta semasa program tersebut. Program ini telah dirancang untuk diadakan pada 14 Oktober 2020 di Auditorium namun terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh ketidaktentuan situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara pada ketika itu, menyebabkan program terpaksa dilakukan secara atas talian.

Program ini telah dihadiri oleh 24 orang peserta terdiri daripada wakil syarikat serta kakitangan FRIM. Program secara atas talian ini telah disampaikan oleh Dr Sharmiza Adnan, Pengarah Urusan FRIM PCS dan Dr Latifah Jasmani daripada Makmal Pulpa dan Kertas. Taklimat yang diadakan adalah seperti Pengenalan kepada perkhidmatan FRIM dan Makmal Pulpa & Kertas yang disampaikan oleh Dr Latifah Jasmani, Pengenalan kepada Spesifikasi Kertas Fotokopi mengikut MS 1288: 2012 dan Taklimat skim pensijilan produk kertas oleh Dr Sharmiza Adnan. Semua peserta telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang program ini berjalan dan diharap pengetahuan ini memberi manfaat ke atas perniagaan syarikat.



STATUS PENSIJILAN PRODUK FRIM PCS

Taburan Jumlah Syarikat dan Produk Perabot Yang Telah Disijilkan oleh FRIM PCS Sehingga Oktober 2020



Petunjuk:



Bilangan Syarikat



Bilangan produk yang dipersijilkan

Sehingga Oktober 2020 FRIM PCS telah berjaya mengeluarkan sebanyak 330 sijil produk perabot bagi pelbagai segmen yang melibatkan 80 pengusaha industri perabot tempatan.

Taburan mengikut segmen (NACE Code 31.01, 31.09 dan 31.02)

Segmen	Bilangan Syarikat		Bilangan Produk	
	KPB	Bukan KPB	KPB	Bukan KPB
Kayu	62	2	204	8
Logam	14		59	0
Katil Besi	8		10	0
Fabrik	9	2	24	11
Plastik	3		12	0
Makmal	0	1	0	2
Jumlah	96	5	309	21
			330	


Nota: KPB – Syarikat di bawah Kontrak Panel Berpusat

1 syarikat mempunyai lebih dari 1 segmen perabot

PROMOSI DAN PENERBITAN FRIM PCS

1

WEBSITE FRIM PCS DENGAN BAHASA INGGERIS



2

PENERBITAN ARTIKEL DI MALAYSIAN FURNITURE NEWS

Nurfarahin MS & Nor Haliyan TS

Ensuring Public Safety Through Product Certification



Artikel berkenaan FRIM PCS di *Malaysian Furniture News*

keluaran ke 12- Oktober 2020

Ms 42 dari 46

3

INFOGRAFIK FRIM PCS

SIRI 1/2020

Nor Haliyan TS

PERSONEL FRIM PCS 2020



Dr. Sharmiza bt. Adnan
PENGARAH URUSAN
7691



Suhana Rafidah bt. Md. Yusof
PENGURUS LATIHAN & OPERASI
7372



Nor Haliyan bt. Tan Shilan
PENGURUS PENSIJILAN & SISTEM IT
7372



Nur Liyana Izzati bt. Rohaffin
TIMBALAN PENGURUS PENSIJILAN
7730



Nurfaizatul Ashikin bt. Mokhtar
TIMBALAN PENGURUS LATIHAN & OPERASI
7752



Nurfarahin bt. Mohd Sani
PEGAWAI PEMASARAN
7746



Nur Elysa Shakira bt. Othman
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
7730



Maizatunajwa bt. Mahidan
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
7752



Mohamad Nazri bin Ngadinin
PENOLONG AKAUNTAN
7745



Mohd Faisal Iskandar bin Shukairi
PEMBANTU PENYELIDIK
7745

Hubungi Kami: JKR 508, JKR 509, JKR 510, Jalan Jelutong, FRIM, 52109, Kepong, Selangor.
Website: <http://pcs.frim.gov.my> Emel: pcs@frim.gov.my

KENALI FRIM PCS

Apa itu FRIM PCS

- FRIM PCS bermaksud *Product Certification Services FRIM* atau *Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM*

Bila diwujudkan dan kenapa?

- Jun 2013, bagi melaksanakan fungsi FRIM sebagai Badan Pensijilan Produk

PCS di bawah bahagian mana?

- Merupakan **unit di bawah Pejabat KP**
- Terdapat 10 orang personel
- Pasukan Juruaudit, Teknikal, Pembantu Teknikal, Panel Pensijilan dan FIAC membantu pelaksanaan FRIM PCS

Apa yang dipersijilkan buat masa ini?

- Produk perabot
- Produk pintu dan dinding rintangan api



Akreditasi yang diperolehi?

- Akreditasi ISO/IEC 17065 (*Conformity Assessment – Requirements for Bodies Certifying Products, Processes and Services*) daripada Jabatan Standard Malaysia pada 12 Dis 2014



Simbol IAF – Standards Malaysia merupakan ahli *International Accreditation Forum, Inc* yang telah dinilai kompetensi sebagai Badan Akreditasi Pensijilan yang dikiraf di seluruh dunia
Simbol Standards Malaysia – Skim Pensijilan Produk yang ditawarkan oleh FRIM telah memperolehi Sijil Akreditasi dari Jabatan Standard Malaysia (CB D8 bermaksud FRIM sebagai Badan Pensijilan Produk yang ke-8 di Malaysia)

Certification mark FRIM PCS – digunakan pada sijil dan label bagi menunjukkan produk tersebut telah memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Skim Pensijilan Produk PCS

SIRI 2/2020

Suhana Rafidah MY



SIRI 3/2020

Nurfarahin MS



4

WEBSITE SLIDER DI WEBSITE FRIM



5

MONTAJ MOU PETRA





Sebarang cadangan atau pertanyaan boleh hubungi kami seperti
di bawah:

Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS)
JKR 508, Jalan Jelutong
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),
52109 Kepong,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: FRIM_pcs@frim.gov.my
Website: <http://pcs.frim.gov.my>
Tel: 603 62797372/7730/7746
Faks: 603 6270 1487